

Mahathir mahu Angkasa rebut peluang ekonomi

UM 22 JUL 2001

PETALING JAYA 21 Julai — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mahu semua koperasi di bawah Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) lebih peka dan cekap menghidu sebarang kesempatan yang tersedia di saat ekonomi negara sedang menuju pemulihan.

Menurut Perdana Menteri, ia bagi membolehkan koperasi-koperasi ini tidak ketinggalan dalam arus perdana untuk merebut, mengecap dan menikmati keistimewaan yang tersedia sebelum terlepas ke tangan orang asing.

“Justeru, sempena Perayaan Hari Koperasi Antarabangsa (PHKA) ke-79 tahun ini, koperasi-koperasi haruslah sama-sama bertekad dan beriltizam untuk bersaing menempa kejayaan yang lebih gemilang,” katanya dalam kata-kata aluan pada buku cenderamata PHKA.

Sambutan ulang tahun perayaan itu diadakan serentak dengan sambutan

30 tahun Angkasa di sini, hari ini dan dirasmikan oleh Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan, Datuk Mahadzir Mohd. Khir yang mewakili Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Dr. Mahathir berkata, sambutan PHKA kali ini sememangnya amat bermakna bukan sahaja kepada koperasi-koperasi, malah kepada Angkasa yang menjadi badan Apex gerakan koperasi di negara ini.

Tambah beliau, perjuangan Angkasa menegak dan membela nasib gerakan koperasi serta memimpin ke arah kemajuan bukanlah satu perkara yang boleh dipandang ringan.

Tegasnya, sebagai badan yang diamanahkan untuk membangun dan memantapkan sosioekonomi koperasi, Angkasa juga telah berjaya memainkan peranannya dengan berkesan, sekali gus menaikkan imej gerakan koperasi di negara ini.